

Tradewinds tak cadang tukar status anak syarikat

TRADEWINDS Corp Bhd berkata syarikat itu tidak mengetahui mengenai sebarang cadangan untuk menukar status anak syarikat, Tradewinds (M) Bhd, sebagai syarikat persendirian seperti dilaporkan akhbar semalam.

Dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia, semalam, syarikat itu berkata jika terdapat cadangan untuk melaksanakan sebarang langkah korporat, pengumuman bersesuaian mengenainya akan dibuat kepada bursa saham.

Tradewinds Corp bagaimanapun berkata syarikat itu akan merebut peluang yang

muncul untuk menjual aset tertentu, jika keadaan memerlukan, bagi mengurangkan bebanan hutang.

Tradewinds Corp ialah syarikat pemegangan pelaburan yang disenarai di Papan Utama, dengan perniagaan terasnya dalam bidang perladangan, perhotelan, pembuatan dan hartanah.

Dalam kenyataan berasingan kepada Bursa Malaysia, Tradewinds Plantation Bhd mengumumkan pelantikan Chan Seng Fatt, 44, sebagai pemangku ketua eksekutif, bermula semalam. Beliau juga ialah ketua pegawai operasi syarikat.